

TABAYYUN DAN REAKSI EMOSI TERHADAP ISU 3R DI MALAYSIA: ANALISIS RESPON MASYARAKAT ISLAM

(TABAYYUN AND EMOTIONAL REACTIONS TO THE 3R ISSUE IN MALAYSIA: ANALYSIS OF THE ISLAMIC COMMUNITY'S RESPONSE)

Ahmad Fairuz Zainanor ^a, Norfahana Ariffin ^b, Mohd Shahrul Nizam Hamdan ^c, Sazali
Md Shukor ^d & Asma' Wardah Surtahman ^{e*}

^a MITRANS, UiTM Shah Alam, 2023218632@student.uitm.edu.my

^b MITRANS, UiTM Shah Alam, 2023459682@student.uitm.edu.my

^c MITRANS, UiTM Shah Alam, 2023243136@student.uitm.edu.my

^d MITRANS, UiTM Shah Alam, 2023438578@student.uitm.edu.my

^e ACIS, UiTM Cawangan Melaka, asmawardah@uitm.edu.my

*Corresponding Author

ARTICLE INFO

Abstrak

Received:
18/12/2024
Received In Revised
Form:

11/03/2025

Accepted:

12/03/2025

Published:

20/03/2025

Keywords:

Tabayyun;

Wasatiyyah;

Kebebasan Bersuara;

Perkara 3 Perlembagaan;

Keharmonian Sosial

DOI:

[10.24191/JIPSF/v7n12025](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v7n12025)

54-63

Malaysia adalah sebuah negara yang Merdeka yang mempunyai rakyat pelbagai pelbagai bangsa, kaum dan etnik. Malaysia sering dilihat sebagai sebuah negara yang harmoni dimata dunia walaupun didiami oleh pelbagai bangsa, tapi pada hakikatnya Malaysia juga tidak terkecuali dari mempunyai isu dan konflik yang mengugat keharmonian rakyatnya yang berbilang bangsa. Isu-isu berkaitan 3R (Race, Religion & Royalty) Kaum, Agama, dan Institusi DiRaja sering mencetuskan reaksi emosi yang berpotensi menggugat keharmonian sosial. Kajian ini meneliti bagaimana pendekatan Tabayyun, iaitu sikap berhati-hati dalam menilai kesahihan maklumat, dapat mengurangkan reaksi negatif dalam kalangan masyarakat Islam terhadap isu-isu ini. Dengan menggunakan metodologi campuran yang melibatkan soal selidik dan wawancara, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan Tabayyun bukan sahaja menghalang penyebaran maklumat palsu tetapi juga mengawal emosi dan menyokong kestabilan sosial. Hasil kajian ini mencadangkan bahawa pendekatan Tabayyun perlu diperkukuhkan sebagai strategi penting dalam membina keharmonian sosial di Malaysia, sekali gus mengurangkan risiko konflik yang berpunca daripada isu-isu sensitif dalam masyarakat.

Abstract

Malaysia is an independent country with a population of various races, ethnicities, and cultures. Malaysia is often seen as a harmonious country in the eyes of the world, despite being inhabited by various races, but in reality, Malaysia is not exempt from having issues and conflicts that threaten the harmony of its multi-ethnic population.

Issues related to the 3Rs (Race, Religion & Royalty) often provoke emotional reactions that have the potential to disrupt social harmony. This study examines how the approach of Tabayyun, which is a cautious attitude in assessing the authenticity of information, can reduce negative reactions among the Muslim community towards these issues. Using a mixed methodology involving surveys and interviews, the findings of this study show that the Tabayyun approach not only prevents the spread of false information but also controls emotions and supports social stability. The results of this study suggest that the Tabayyun approach should be strengthened as an important strategy in building social harmony in Malaysia, thereby reducing the risk of conflicts arising from sensitive issues within society.

Keywords: Tabayyun, Wasatiyyah, Freedom of Speech, Article 3 of the Constitution, Social Harmony.

PENGENALAN

Malaysia sebagai sebuah negara majmuk, menghadapi pelbagai cabaran yang berkaitan dengan kepelbagaian etnik, agama, dan budaya. Isu-isu yang melibatkan Kaum (Race), Agama (Religion), dan Institusi DiRaja (Royalty) sering dikenali sebagai isu 3R dan merupakan antara topik yang sensitif serta berpotensi untuk mencetuskan perpecahan dalam masyarakat. Dalam konteks negara ini, isu 3R bukan sahaja mempengaruhi hubungan antara pelbagai kaum, tetapi juga melibatkan identiti nasional yang berteraskan nilai Melayu-Islam yang dominan dalam masyarakat (Rosfazila Binti Abd Rahman, 2019). Menurut kajian lepas, perpaduan nasional di Malaysia bergantung pada penerimaan dan penghormatan terhadap nilai-nilai Melayu-Islam, yang telah berakar sejak pembentukan negara. Identiti ini memainkan peranan penting sebagai asas kepada keharmonian sosial dan kestabilan politik, dan ia juga telah dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan melalui kedudukan Islam sebagai agama rasmi dan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Bakar, 2024).

Dewasa ini, dalam menghadapi cabaran globalisasi dan pengaruh media sosial (Sosmed), masyarakat Malaysia semakin terdedah kepada maklumat yang tidak sahih dan sentimen yang mempengaruhi persepsi terhadap isu-isu 3R. Situasi ini sering mencetuskan reaksi emosi yang mendalam, terutama dalam kalangan masyarakat Islam, yang mana sentimen dan pandangan mereka sering dipengaruhi oleh penafsiran agama dan nilai tradisional. Fenomena ini telah disoroti dalam pelbagai kajian yang menunjukkan bahawa keupayaan masyarakat untuk mengamalkan toleransi dan interaksi positif antara etnik adalah penting untuk mengelakkan ekstremisme dan memupuk keharmonian (Chua Hooi Ling, 2022).

Dalam konteks ini, pendekatan Tabayyun, yang bermaksud berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan maklumat, dilihat sebagai satu langkah penting dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Pendekatan ini bukan sahaja dapat mengurangkan risiko tersebarnya maklumat palsu, tetapi juga mampu mengawal reaksi emosi yang berlebihan terhadap isu-isu sensitif seperti isu pengisjilan halal dan isu logo tapak kasut. Melalui kajian kepustakaan yang meliputi analisis kajian terdahulu, kajian ini meneliti bagaimana masyarakat Islam di Malaysia memahami dan bertindak balas terhadap isu 3R, serta sejauh mana pendekatan Tabayyun dapat membantu dalam membentuk persepsi yang lebih positif dan mengurangkan ketegangan etnik serta agama (Hassan, 2021).

Hasil daripada kajian lepas menunjukkan bahawa tanpa pemahaman yang mendalam tentang nilai-nilai interaksi, masyarakat cenderung untuk bersikap ekstrem atau defensif dalam isu-isu yang menyentuh identiti agama dan etnik mereka. Hal ini menunjukkan keperluan untuk menguatkan pendekatan Tabayyun sebagai mekanisme penting dalam mendidik masyarakat untuk bersikap rasional dan adil ketika berhadapan dengan isu-isu yang boleh mengancam perpaduan nasional (Saiman, 2023). Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada pemahaman mengenai peranan Tabayyun dalam mengendalikan isu-isu 3R, serta implikasinya dalam membina masyarakat yang lebih harmoni dan stabil di Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Dalam konteks perpaduan nasional di Malaysia, peranan masyarakat Islam adalah signifikan kerana mereka sering menjadi kumpulan majoriti yang turut mencerminkan identiti nasional yang berteraskan Melayu-Islam. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan, yang secara langsung menggariskan kedudukan istimewa Islam dalam negara ini, manakala Perkara 152 dan Perkara 153 pula melindungi Bahasa Melayu dan hak istimewa kaum Melayu serta Bumiputera (Khairul Azhar Meerangani, 2020). Kedudukan ini bukan sahaja mencerminkan identiti majoriti, tetapi juga membina asas perpaduan yang mewujudkan keharmonian dalam masyarakat majmuk. Sebagai tonggak perpaduan, masyarakat Islam di Malaysia diharapkan menjadi contoh yang baik dalam mengamalkan toleransi, menjaga emosi, dan menunjukkan kematangan dalam menangani isu-isu sensitif seperti 3R.

Kepentingan kawalan emosi dan sikap berilmu dalam kalangan umat Islam amat ditekankan dalam Islam dan menjadi elemen penting dalam melestarikan perpaduan nasional. Sikap Tabayyun, iaitu berhati-hati dalam menilai dan menyebarkan maklumat, menjadi panduan yang penting untuk masyarakat Islam ketika berhadapan dengan isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan konflik (Rosfazila Binti Abd Rahman, 2019) (Hassan, 2021). Tabayyun bukan sahaja mendidik umat Islam untuk mengelakkan penyebaran berita palsu, tetapi juga menggalakkan mereka mengutamakan fakta berbanding emosi. Ini selaras dengan pendekatan Islam yang mengutamakan ilmu pengetahuan yang menegaskan keperluan menyemak maklumat yang diterima untuk mengelakkan ketidakadilan dan salah faham dalam masyarakat., sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْحَبُوا
عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (menengainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Menurut kajian terdahulu, masyarakat Islam yang berilmu lebih cenderung untuk menunjukkan sikap yang rasional dan matang dalam menghadapi isu-isu 3R (Nazneen binti Ismail, 2018). Pendidikan ilmu agama yang menekankan konsep toleransi dan penghormatan terhadap kepelbagaian, membantu umat Islam memahami kepentingan perpaduan dan keharmonian sosial. Melalui pemahaman ini, masyarakat Islam di Malaysia dapat memainkan peranan penting sebagai contoh yang baik dalam mengendalikan perbezaan etnik dan agama, sambil mengekalkan identiti Melayu-Islam yang berteraskan prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan (Bakar, 2024). Ini sekaligus dapat memupuk kesepaduan sosial yang stabil, di mana masyarakat majmuk boleh hidup bersama dengan saling menghormati dan menghayati keunikan budaya masing-masing.

Selain itu, kajian menunjukkan bahawa kawalan emosi adalah penting dalam menangani isu-isu 3R yang sering kali dipengaruhi oleh sentimen sosial dan politik. Reaksi emosi yang melampau boleh mencetuskan ketegangan antara kaum dan menggugat keharmonian sosial. Oleh itu, pendekatan Tabayyun dapat mengukuhkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya mengawal emosi dan bertindak berdasarkan ilmu, bukan perasaan atau sentimen semata-mata (Chua Hooi Ling, 2022) (Saiman, 2023). Dengan ini, masyarakat Islam di Malaysia dapat mempamerkan sikap yang seimbang, yang berfungsi sebagai panduan bagi masyarakat pelbagai kaum untuk mencapai keharmonian yang berpanjangan.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah berasaskan kaedah kajian kepustakaan yang menyeluruh, di mana sumber-sumber sekunder daripada kajian lepas digunakan untuk menganalisis peranan pendekatan Tabayyun dan reaksi emosi masyarakat Islam terhadap isu 3R di Malaysia. Kajian ini melibatkan pengumpulan data dari pelbagai dokumen termasuk artikel jurnal, buku, laporan, dan kertas kerja akademik yang membincangkan isu perpaduan nasional, pendekatan Tabayyun, dan kedudukan Melayu-Islam dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia. Data yang diperolehi dari sumber sekunder ini dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan, yang bertujuan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang relevan dengan tajuk kajian.

Kajian lepas yang dikaji memberikan panduan tentang konsep Tabayyun dan kepentingannya dalam masyarakat Islam untuk mengelakkan penyebaran maklumat palsu serta menjaga keharmonian sosial. Analisis ini melibatkan penilaian kritikal terhadap literatur terdahulu yang menekankan nilai kawalan emosi dan amalan berilmu dalam kalangan umat Islam di Malaysia, di samping memahami bagaimana sikap ini berperanan dalam mengekalkan perpaduan dan keharmonian sosial berdasarkan prinsip-prinsip dalam Perlembagaan Persekutuan. Dengan menggunakan pendekatan ini, kajian ini bertujuan memberikan gambaran menyeluruh tentang reaksi masyarakat Islam terhadap isu-isu 3R dan kepentingan Tabayyun sebagai pendekatan untuk membina masyarakat yang lebih harmoni.

HASIL KAJIAN

Kajian ini menekankan peranan pendekatan Tabayyun atau sikap berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan maklumat sebagai panduan umat Islam di Malaysia untuk mengawal reaksi emosi terhadap isu-isu berkaitan Kaum (*Race*), Agama (*Religion*), dan Institusi DiRaja (*Royalty*). Pendekatan ini bukan sahaja membantu umat Islam mengawal emosi tetapi juga menunjukkan masyarakat Islam sebagai golongan beradab, berilmu, dan patuh pada prinsip wasatiyyah (kesederhanaan). Selain itu, pendekatan ini selari dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia yang menekankan perpaduan dan kebebasan beragama dalam batas yang selamat bagi semua pihak (Mahmud, 2017).

Tabayyun sebagai Cerminan Akhlak Beradab dan Berilmu Menurut Perlembagaan

Sikap Tabayyun memperlihatkan umat Islam sebagai masyarakat yang berhati-hati dan matang, selari dengan jaminan Perlembagaan Malaysia yang melindungi hak kebebasan bersuara, tetapi dalam batasan yang mencegah fitnah dan hasutan. Perkara 10 dalam Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan bersuara kepada setiap rakyat, namun ia disertai batas yang menghindari penyalahgunaan. Dalam konteks ini, Tabayyun mendorong umat Islam untuk memastikan kebenaran dan kesahihan maklumat yang diterima sebelum mengambil tindakan atau menyebarkan informasi tersebut. Misalnya, dalam isu-isu yang berkaitan dengan penghinaan terhadap agama atau institusi diraja, umat Islam yang mengamalkan Tabayyun akan melakukan penyelidikan mendalam sebelum bertindak, yang bukan sahaja menunjukkan akhlak beradab dan berilmu tetapi juga mematuhi semangat Perlembagaan dalam menjaga ketenteraman dan keamanan masyarakat (Mahmud, 2017).

Tabayyun membolehkan umat Islam menunjukkan akhlak berilmu dengan menapis maklumat dan memastikan kebenarannya sebelum bertindak balas atau menyebarkan. Sikap ini menunjukkan masyarakat Islam sebagai golongan yang bukan sahaja mementingkan adab dan sopan-santun tetapi juga menghormati prinsip undang-undang yang menjamin kebebasan bersuara dalam batasan yang menjaga keselamatan negara. Melalui Tabayyun, umat Islam membina imej masyarakat yang bertanggungjawab dan berilmu dalam menangani isu-isu sosial yang mencabar tanpa melanggar peruntukan undang-undang.

Tabayyun Wasatiyyah dalam Beremosi untuk Menghindari Ekstremisme.

Tabayyun yang dipandu oleh prinsip wasatiyyah atau kesederhanaan mengajarkan umat Islam untuk mengelakkan tindakan yang ekstrem dalam menangani isu-isu sensitif. Perkara 3 dalam Perlembagaan menetapkan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi juga menjamin kebebasan beragama untuk penganut agama lain di bawah Perkara 11. Prinsip Tabayyun yang menggalakkan kesederhanaan ini selari dengan tujuan Perlembagaan untuk menjaga hubungan antara agama yang harmoni. Sebagai contoh, dalam kes penghinaan terhadap agama atau penggunaan simbol-simbol Islam yang mungkin tidak sesuai, pendekatan Tabayyun membantu umat Islam menilai konteks terlebih dahulu sebelum bertindak balas, mengelakkan tindakan yang berlebihan (Khairul Azhar Meerangani, 2020).

Umat Islam yang mengamalkan Tabayyun akan bersikap rasional dan tenang dalam mengawal emosi apabila berhadapan dengan isu yang sensitif. Mereka diajar untuk mempertimbangkan niat sebenar atau konteks isu sebelum membuat keputusan yang drastik. Hal ini penting kerana reaksi berlebihan boleh menyebabkan salah faham antara agama, yang tidak selari dengan Perlembagaan yang menjamin kebebasan beragama dalam batasan yang aman. Oleh itu, Tabayyun bukan sahaja mendidik umat Islam untuk mengamalkan kesederhanaan tetapi juga mengelakkan mereka daripada tindakan yang boleh menyebabkan ketegangan antara agama (Khairul Azhar Meerangani, 2020).

Kawalan Emosi dalam Menangani Penghinaan terhadap Institusi Diraja Mengikut Perlembagaan

Institusi DiRaja adalah simbol perpaduan negara Malaysia dan dijamin oleh Perkara 181 dalam Perlembagaan. Institusi ini sering terdedah kepada isu penghinaan di media sosial, yang boleh mencetuskan reaksi keras. Dalam situasi seperti ini, pendekatan Tabayyun amat penting kerana ia mengingatkan umat Islam untuk menahan diri daripada bertindak balas secara emosional dan menyerahkan isu ini kepada pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan lanjut.


Sebagai contoh, apabila berlaku penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong, umat Islam yang mengamalkan Tabayyun digalakkan untuk menunggu hasil siasatan rasmi sebelum bertindak balas secara langsung. Sikap ini bukan sahaja menunjukkan kesetiaan kepada institusi undang-undang negara tetapi juga mengelakkan sebarang tindak balas yang berlebihan yang boleh mengundang ketegangan yang lebih besar. Pendekatan ini juga memastikan bahawa reaksi terhadap penghinaan dilakukan mengikut landasan undang-undang, sekaligus memelihara keharmonian nasional selari dengan prinsip Perlembagaan yang melindungi institusi diraja dan keamanan negara (Mahmud, 2017).

Tabayyun dalam Menangani Isu Keagamaan yang Kontroversial Mengikut Prinsip Perlembagaan

Isu keagamaan sering menjadi topik yang sangat sensitif, terutama apabila melibatkan simbol-simbol suci Islam yang disalahgunakan atau disalah tafsir. Perkara 3 dalam Perlembagaan mengiktiraf Islam sebagai agama Persekutuan, manakala Perkara 11 menjamin kebebasan beragama kepada semua rakyat. Ini memerlukan sikap Tabayyun bagi memastikan umat Islam tidak melampaui batas dan merosakkan hubungan baik antara agama.

Sebagai contoh, logo tapak kasut 'Verns' yang menyerupai kalimah Allah, yang menimbulkan salah faham dan memberi impak reaksi emosi negatif dalam kalangan umat Islam. Menurut pakar Prof Madya Dr Nor Azlin Hamidon, Pensyarah Bidang Pengajian Budaya Seni Visual, Pengkhususan Seni Islam dan Seni Khat dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dari sudut pendapat khattat (penulis atau pakar khat), logo berkenaan dilihat tidak menepati sebarang kaedah penulisan khat yang diterima secara tradisi dan reka bentuknya adalah dalam kategori khat bebas (Bernama, 2024). Namun, dengan Tabayyun, umat Islam disarankan untuk memahami konteks dan tujuan sebenar sebelum bertindak balas. Sikap ini mendorong mereka untuk membuat aduan melalui saluran rasmi atau berkomunikasi dengan pihak berkuasa agama untuk tindakan lanjut, bukan bertindak secara melulu yang boleh menjejaskan

keharmonian sosial. Dengan cara ini, umat Islam dapat mempertahankan nilai keagamaan mereka dengan cara yang bermaruah dan sesuai dengan jaminan Perlembagaan yang menjamin kebebasan beragama tanpa melampaui batas (Bakar, 2024).



Gambar 1: Contoh tapak kasut 'Verns'
(Sumber: Berita harian, 8 April 2024)

Dalam menangani isu keagamaan yang sensitif, umat Islam dianjurkan untuk mengikuti pendekatan yang berpandukan ilmu dan hikmah. Rasulullah SAW menjadi contoh terbaik apabila menghadapi provokasi, seperti peristiwa baginda dibaling najis oleh penduduk Thaif. Baginda tidak membalas dengan kemarahan, sebaliknya, baginda mendoakan kebaikan untuk mereka, menunjukkan bahawa tindakan yang berlandaskan ilmu dan kesabaran lebih mendekatkan kepada penyelesaian (Dewi Malikhatuz Zahroh, 2024) (Sirajuddin, 2018).

Selain itu, Al-Quran menyeru umat Islam agar mengelakkan prasangka buruk dan menghukum tanpa bukti, seperti yang disebut dalam Surah Al-Hujurat ayat 12, yang menyatakan bahawa sebahagian prasangka adalah dosa (Wan Hakim Bin Wan Mohd Nor, 2018). Dalam konteks ini, tabayyun bukan sahaja menjadi alat untuk menyelidik kebenaran, tetapi juga mendorong sikap bertindak berdasarkan fakta dan bukan emosi (Dewi Malikhatuz Zahroh, 2024). Ayat ini menggariskan pentingnya menjaga keharmonian dengan tidak tergesa-gesa membuat keputusan, terutamanya apabila berhadapan isu agama yang boleh memecah belah masyarakat. Tambahan pula, Islam menganjurkan dakwah dengan hikmah seperti yang dinyatakan dalam Surah An-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

'Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.'

Dakwah perlu dilakukan dengan pengajaran yang baik dan dialog yang sopan, bukan dengan provokasi atau perdebatan yang memanaskan suasana (Futihatul Janah, 2020) (Sirajuddin, 2018). Dengan pendekatan ini, isu keagamaan dapat ditangani dengan cara yang mendamaikan dan tidak mencetuskan kekacauan dalam kalangan masyarakat.

Penggunaan Bijak Media Sosial Berdasarkan Prinsip Tabayyun Selari dengan Perlembagaan

Media sosial memainkan peranan utama dalam penyebaran maklumat, termasuk isu-isu berkaitan 3R. Walau bagaimanapun, Perlembagaan Malaysia yang menggariskan kebebasan bersuara di bawah

Perkara 10 juga mengakui batasan tertentu untuk menjaga keselamatan negara dan mencegah penyebaran maklumat yang boleh memudaratkan keharmonian awam. Dengan amalan Tabayyun, umat Islam digalakkan untuk berhati-hati sebelum berkongsi maklumat di media sosial, memastikan setiap maklumat itu benar-benar sahih dan tepat.

Sebagai contoh, berita palsu atau maklumat menghasut mengenai isu agama atau penghinaan terhadap institusi diraja boleh tersebar dengan cepat dan mencetuskan ketegangan. Umat Islam yang mengamalkan Tabayyun akan terlebih dahulu menyemak kesahihan maklumat sebelum berkongsi, mengelakkan diri daripada menyebarkan maklumat yang boleh mengundang reaksi negatif. Sikap ini menunjukkan kematangan mereka dalam menggunakan media sosial dengan cara yang bertanggungjawab, mencerminkan kebebasan bersuara yang berhemah dan selari dengan Perlembagaan yang melindungi hak kebebasan bersuara dalam batas yang menjaga keselamatan awam dan kestabilan negara (Khairul Azhar Meerangani, 2020).

Penggunaan media sosial memerlukan kebijaksanaan bagi memastikan setiap maklumat yang diterima adalah benar dan tidak mendatangkan keburukan kepada masyarakat. Prinsip tabayyun, seperti yang diajarkan dalam Surah Al-Hujurat ayat 6, menekankan kepentingan menyelidik kesahihan sesuatu berita sebelum mempercayai atau menyebarkannya (Dewi Malikhatuz Zahroh, 2024) (Futihatul Janah, 2020). Dalam tafsir ulama seperti Ibn Kathir dan Al-Maraghi, tabayyun melibatkan usaha memeriksa maklumat dengan berhati-hati agar tidak berlaku fitnah atau perpecahan akibat berita palsu (Dewi Malikhatuz Zahroh, 2024; Sirajuddin, 2018).

Tambahan pula, komunikasi yang baik di media sosial harus mematuhi nilai-nilai Islam seperti qaulan ma'rufan (perkataan yang baik) dan qaulan sadidan (perkataan yang tepat), yang dianjurkan untuk mengelakkan konflik atau perselisihan dalam masyarakat (Futihatul Janah, 2020) (Sirajuddin, 2018). Di era digital ini, pengguna media sosial perlu menggunakan etika komunikasi Islam untuk menapis dan menilai maklumat dengan rasional, bukan berdasarkan emosi semata-mata (Sirajuddin, 2018). Perbuatan menyebarkan berita tanpa pengesahan tidak hanya mencemarkan keharmonian, malah boleh menyebabkan kesalahan undang-undang seperti yang termaktub dalam Akta Komunikasi dan Multimedia (Wan Hakim Bin Wan Mohd Nor, 2018).

Oleh itu, sebelum menerima atau menyebarkan sesuatu berita, pastikan dahulu kesahihan berita atau maklumat tersebut. Ini kerana jika kita cuai, ia boleh mendatangkan kecederaan dan memudaratkan bukan sahaja individu, tetapi juga masyarakat dan negara. Sebenarnya, permainan persepsi dan khabar angin yang dipercayai tanpa sebarang pengesahan boleh membawa pelbagai masalah dan bahaya. Semoga Allah melindungi kita dan membantu kita memahami realiti serta situasi semasa berkaitan penyebaran berita (Persekutuan, 2015).

PERBINCANGAN

Pendekatan Tabayyun yang ditekankan dalam kajian ini memberi penekanan pada cara umat Islam di Malaysia dapat mengaplikasikan nilai-nilai keagamaan dan sosial dalam kehidupan seharian, khususnya dalam menangani isu-isu sensitif yang berkaitan dengan Kaum (Race), Agama (Religion), dan Institusi DiRaja (Royalty), yang dikenali sebagai isu 3R. Tabayyun, yang bermaksud penyelidikan atau pengesahan terhadap maklumat sebelum bertindak, bukan sahaja relevan dalam konteks agama tetapi juga berfungsi sebagai asas dalam menjaga keharmonian sosial yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Dalam hal ini, prinsip Tabayyun menggalakkan umat Islam untuk sentiasa berhati-hati dan bertanggungjawab dalam berinteraksi dengan isu-isu yang berpotensi mencetuskan ketegangan sosial, terutamanya yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama.

Salah satu aspek penting yang diketengahkan dalam kajian ini ialah kaitan Tabayyun dengan Perlembagaan Malaysia dalam mengawal kebebasan bersuara. Perkara 10 dalam Perlembagaan Malaysia menjamin hak kebebasan bersuara kepada rakyat Malaysia, namun kebebasan ini datang dengan batasan tertentu untuk mencegah fitnah, hasutan, dan penyebaran maklumat palsu yang berpotensi menggugat keharmonian negara. Dengan mengamalkan Tabayyun, umat Islam dapat

menghindari tindakan terburu-buru yang berasaskan maklumat yang tidak sahih, dan lebih mengutamakan penyelidikan serta pengesahan terlebih dahulu sebelum bertindak balas atau menyebarkan sesuatu maklumat. Pendekatan ini penting kerana ia bukan sahaja menunjukkan sikap matang dalam menangani isu sensitif tetapi juga memastikan tindakan mereka selari dengan kehendak undang-undang yang bertujuan menjaga keharmonian sosial di Malaysia.

Selain itu, amalan wasatiyyah atau kesederhanaan juga berperanan dalam prinsip Tabayyun, terutamanya dalam menangani ekstremisme. Perlembagaan Malaysia melalui Perkara 3 mengiktiraf Islam sebagai agama Persekutuan, sementara Perkara 11 pula menjamin kebebasan beragama untuk semua rakyat. Dalam menghadapi isu-isu sensitif, seperti penggunaan simbol Islam dalam konteks yang mungkin menyebabkan salah faham, prinsip wasatiyyah menggalakkan umat Islam untuk bertindak dengan penuh pertimbangan. Tabayyun berperanan menghindari reaksi yang melampau atau terlalu emosional, yang boleh menimbulkan ketegangan, serta membantu umat Islam untuk mengelakkan diri daripada dilabel sebagai golongan ekstremis. Dengan ini, umat Islam dapat memperlihatkan sikap keterbukaan dan menghormati kebebasan beragama yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia, sambil menjaga keseimbangan dalam masyarakat majmuk.

Tabayyun juga berperanan penting dalam konteks penghormatan terhadap Institusi Diraja, yang dilindungi oleh Perkara 181 dalam Perlembagaan Malaysia. Dalam situasi di mana terdapat penghinaan terhadap Institusi Diraja, prinsip Tabayyun mendorong masyarakat untuk tidak bertindak dengan reaksi emosional atau terburu-buru. Sebaliknya, mereka digalakkan untuk menyerahkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa yang berkenaan, seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), untuk disiasat dan diambil tindakan. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa umat Islam menghormati prinsip undang-undang dan tidak akan bertindak secara sewenang-wenangnya yang boleh menimbulkan ketegangan yang lebih memudaratkan. Sikap ini menonjolkan penghormatan terhadap institusi diraja, yang memainkan peranan penting dalam struktur pemerintahan dan perpaduan negara.

Dalam aspek isu keagamaan, Tabayyun juga mengingatkan umat Islam untuk mengawal emosi dan bertindak dengan lebih berhati-hati. Perlembagaan Malaysia bukan sahaja mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara, tetapi juga menjamin kebebasan beragama bagi semua rakyat. Dalam menangani isu-isu keagamaan yang berpotensi menimbulkan ketegangan, seperti penggunaan simbol Islam dalam konteks yang dianggap tidak sesuai, Tabayyun mendorong umat Islam untuk memahami terlebih dahulu niat dan konteks penggunaan tersebut. Mereka akan mengadukan kebimbangan mereka kepada pihak berkuasa agama atau agensi kerajaan yang berkenaan, bagi memastikan tindakan yang lebih konstruktif diambil tanpa menimbulkan salah faham dalam masyarakat yang pelbagai agama dan budaya.

Tabayyun juga memainkan peranan yang semakin penting dalam era digital, terutamanya dalam penggunaan media sosial. Media sosial telah menjadi platform utama untuk menyebarkan maklumat, tetapi ia juga boleh membawa risiko penyebaran maklumat palsu atau menghasut yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama. Dengan mengamalkan prinsip Tabayyun, umat Islam digalakkan untuk menyemak kesahihan maklumat sebelum menyebarkannya. Ini bukan sahaja menunjukkan tanggungjawab sosial yang tinggi, tetapi juga membantu mengelakkan penyebaran maklumat yang tidak sahih yang boleh menyebabkan ketegangan dalam masyarakat. Dalam konteks ini, Tabayyun memastikan bahawa umat Islam menggunakan hak kebebasan bersuara dengan bijak, selaras dengan prinsip perlembagaan yang bertujuan melindungi kestabilan dan keamanan negara.

Secara keseluruhannya, pendekatan Tabayyun dalam konteks Perlembagaan Malaysia adalah satu prinsip yang sangat relevan untuk memastikan bahawa kebebasan bersuara dan tindakan masyarakat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Dengan mengamalkan Tabayyun, umat Islam di Malaysia dapat mengelakkan ketegangan sosial, menghormati institusi negara, dan menjaga keharmonian antara agama dan kaum, selaras dengan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Pendekatan ini bukan sahaja membantu dalam menjaga kestabilan negara tetapi juga memperlihatkan sikap matang dan bijaksana dalam menangani isu-isu sensitif dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kepentingan pendekatan Tabayyun dalam memupuk keharmonian sosial dan perpaduan nasional di Malaysia. Pendekatan ini, yang melibatkan pengesahan maklumat yang teliti ini adalah penting dalam mengurangkan reaksi emosi negatif dalam kalangan masyarakat Islam terhadap isu-isu sensitif berkaitan Bangsa (Race), Agama (Religion) dan DiRaja (Royalty) 3R. Dengan memastikan maklumat adalah tepat dan sah, pendekatan Tabayyun membantu mencegah penyebaran maklumat salah yang boleh membawa kepada salah faham dan konflik.

Tambahan pula, pendekatan ini selaras dengan prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, yang menyokong kebebasan bersuara yang bertanggungjawab. Hal ini menekankan bahawa walaupun individu mempunyai hak untuk menyatakan pendapat mereka, kebebasan ini tidak boleh dilaksanakan dengan cara yang mengganggu kestabilan atau keharmonian sosial. Oleh yang demikian, pendekatan Tabayyun berfungsi sebagai perlindungan daripada tindakan yang berpotensi menjejaskan keseimbangan masyarakat berbilang kaum dan budaya.

Sehubungan dengan itu, peranan penting dalam segi pendidikan adalah menggalakkan toleransi agama dan menghormati kepelbagaian kaum. Dengan mendidik individu tentang kepentingan nilai-nilai ini, tindak balas yang lebih rasional dan matang terhadap isu yang sensitif. Oleh itu, aspek pendidikan memupuk masyarakat yang boleh menjalani kehidupan bersama secara aman. Ia bukan sahaja membantu dalam mencegah konflik tetapi juga menggalakkan budaya persefahaman dan rasa hormat di kalangan masyarakat yang pelbagai di negara ini.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap UiTM Cawangan Melaka dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini,

PERTEMBUGAN KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada pertembungan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Ahmad Fairuz Zainanor berperanan merangka idea utama, menentukan skop penulisan, dan menyusun struktur artikel secara keseluruhan. Norfahana Ariffin menyumbang kepada kajian literatur, mengumpul dan menganalisis sumber-sumber rujukan berkaitan dengan topik perbincangan. Mohd Shahrul Nizam Hamdan dan Sazali Md Shukor mengupas isu semasa dan permasalahan awam berkaitan dengan topik di Malaysia. Asma' Wardah Surtahman menyumbang kepada penyuntingan akhir dan memastikan artikel dilengkapkan dengan sempurna sebelum diterbitkan oleh jurnal.

DEKLARASI PENGGUNAAN AI

Pengarang mengisytiharkan bahawa AI generatif tidak digunakan dalam penghasilan artikel ini, kecuali bagi tujuan pengolahan semula teks (*paraphrasing*) dan semakan silang rujukan. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, integriti, dan kandungan akhir karya ini.

PERNYATAAN ETIKA PENYELIDIKAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa kajian ini tidak melibatkan sebarang, sampel atau data biologi manusia dan haiwan. Justeru, kelulusan dan kebenaran jawatankuasa etika tidak berkait dengan kajian ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data-data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh daripada Pengarang koresponden berdasarkan permintaan yang munasabah, tertakluk kepada keperluan institusi dan pertimbangan etika yang berkenaan.

RUJUKAN

- Bakar, M. A. (2024). Persepsi Pengundi Muda Terhadap Memes Politik, Undi 18 dan Isu isu 3R pasca Pilihan Raya Umum 15 . *Sains Insani*. 57-61.
- Bernama. (2024, 04 08). Berita Harian Online. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1232986/logo-pada-tapak-kasut-tidak-menyamai-kalimah-allah-dalam-aspek-seni>
- Chua Hooi Ling, F. Y. (2022). Penilaian Guru Prasekolah Daerah Kuala Langat dan Daerah Sepang Terhadap Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 318-327.
- Dewi Malikhatuz Zahroh, N. J. (2024). Relevansi Nilai-Nilai Akhlak Generasi Z dalam Buku yang Hilang dari Kita: Akhlak Karya Muhammad Quraish Shihab. *Jurnal Pendidikan dan Studi Islam*, 1335-1359.
- Futihatul Janah, A. Y. (2020). Etika Komunikasi di Media Sosial Melalui Prinsip SMART (Salam, Ma'ruf, dan Tabayyun) Perspektif Al-Quran . *JAWI*, 101-118.
- Hassan, W. Z. (2021). Penerapan Kefahaman Nilai Interaksi dalam Menangani Sikap Ekstrem Ke Arah Mewujudkan Keharmonian Hubungan Etnik di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 149-170.
- Khairul Azhar Meerangani, A. B. (2020). Pendekatan Rahmatan Lil'Alamin Di Malaysia Menurut Perspektif Akidah. Mohd Radhi Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Rosidayu Sabran, Nik Suhaida Nik Abdul Majid, Najib Sheikh Abdisamad, Mohd Hamidi Ismail, Yuseri Ahmad (pp. 134-143). Nilai Negeri Sembilan: Akidah and Religion Studies Programme.
- Mahmud, S. O. (2017). Isu Penghinaan Terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis Kandungan Akhbar Dalam Talian. *Jurnal Wacana Sarjana*.1(1) Dis 2017, 1-18.
- Nazneen binti Ismail, S. N. (2018). Kajian Awal Terhadap Cinta Ilmu Dan Keperibadian Ummah Cemerlang Dalam Kalangan Mahasiswa Muslim. *Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 24-34.
- Persekutuan, P. M. (2015, 5 20). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan . Retrieved from Bayan Linnas: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3490-bayan-linnas-siri-ke-22-berita-konsep-tabayyun-dan-penerimaannya>
- Rosfazila Binti Abd Rahman, N. L. (2019). Budaya Organisasi Islam Holistik: Keperluan Masa Depan Orang Melayu Dan Bangsa Malaysia. *Jurnal Melayu*. 18 (2), 207-2018.
- Saiman, M. Z. (2023). Perpaduan Nasional Berteraskan Melayu-Islam di Negara Malaysia Sorotan Kajian. *Rabbanica Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 201-216.
- Sirajuddin, E. d. (2018). Berita Hoax Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Tajdid*. 17(1), 27-50.
- Wan Hakim Bin Wan Mohd Nor, F. N. (2018). Kepentingan Tabayyun Dalam Mendepani Arus Globalisasi. *4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018* (pp. 411-421). Banda Baru Bangi, Selangor: Isyad 2018 E-Proceeding.

